Harian metro
24/10/2015
m/s 13







**RM500**

Bayaran khas diberi pada Januari 2016

**RM950**

Kadar pencen minimum

# Hargai bakti penjawat awam

## ■ Kerajaan prihatin kebajikan kakitangan masih berkhidmat, bersara

**Putrajaya** ·

"Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, kerajaan secara berterusan mengambil berat dan prihatin terhadap kebajikan penjawat awam sama ada yang masih berkhidmat atau sudah bersara," kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan, semalam sebagai mengulas mengenai intipati Bajet 2016 dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, semalam.

Ali berkata, Bajet 2016 akan dilaksanakan dengan segera oleh sektor awam supaya keperluan rakyat dan negara dapat dipenuhi.

Menurutnya, beliau juga

## Insentif dilihat bersifat seimbang

**Kuala Lumpur:** Pengumuman beberapa insentif serta penambahbaikan untuk penjawat awam yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2016 semalam, secara keseluruhannya adalah bersifat seimbang."

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam

nya, saya amat berpuas hati dengan pengumuman ini kerana bajet kali ini juga turut menitikberatkan dan menghargai mereka yang berkhidmat dalam tempoh lama serta kebajikan pesara juga diambil kira," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam

**FAKTA**

*CUEPACS akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan JPA*



*"Saya baru mendirikan rumah tangga dan pemberian bantuan kewangan khas dan BR1M itu sedikit sebanyak dapat menampung membeli barangan keperluan"*

***Najihah Saarani, 25, Pegawai Sains Kementerian Kesihatan***

tikan secara tetap diberikan kepada pegawai kontrak yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun serta memenuhi syarat perkhidmatan ditetapkan membabitkan 10,000 pegawai kontrak.

Ali berkata, Bajet 2016 ju-

**LHDN**

**RM2000**

Had pelepasan cukai pendapatan bagi setiap anak berumur bawah 18 tahun digandakan daripada RM1,000 kepada RM2,000

**RM4000**

Pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000

**RM1,500**

Anak yang menyara ibu bapa walaupun tidak tinggal bersama diberi pelepasan cukai terkumpul sebanyak

sebulan membabitkan 50,000 pesara awam dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan

RM1,200

Gaji permulaan terendah dalam perkhidmatan awam kepada sebulan RM1,200 bermanfaat untuk 60,000 penjawat awam

Menambah baik 252 skim perkhidmatan bermanfaat untuk 406,000 penjawat awam

Beri faedah pemindahan gaji penjawat awam bersamaan satu kenaikan gaji tahunan ikut gred bermanfaat untuk 1.6 juta penjawat awam

Melantik tetap pegawai lantikan 'Contract of Service' berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun. Memanfaatkan 10,000 pegawai kontrak

RM250

700,000 pesara kerajaan menerima bayaran bantuan khas RM250

Menurutnya, beliau juga menyarankan supaya penjawat awam terus meningkatkan usaha dan produktiviti dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) kerana ia menjadi penentu kepada pencapaian negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada 2020.

"Penjawat awam diingatkan untuk mengukuhkan tahap integriti dan memastikan perbelanjaan kerajaan secara berhemah," katanya.

Katanya, bagi pihak penjawat awam, beliau merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada kerajaan atas keputusan kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif kepada penjawat awam mulai 1 Julai 2016.

Bajet 2016, semalam mengumumkan pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan Gaji Tahunan (KGT) mengikut gred jawatan membabitkan 1.6 juta penjawat awam.

Selain itu, kerajaan juga mengumumkan penambahbaikan ke atas 252 skim perkhidmatan; penetapan gaji permulaan terendah penjawat awam pada kadar RM1,200 yang memanfaatkan 60,000 penjawat awam.

Dalam pada itu, pelan-

kerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Datuk Azih Muda menyifatkan berita baik berkenaan sebagai penghargaan kepada penjawat awam yang menyumbang serta berbakti kepada negara.

"Terima kasih, nampaknya keluhan kita selama ini didengar dan diberi perhatian oleh kerajaan. Kita harap berita ini akan meningkatkan lagi produktiviti kakitangan awam di negara ini.

"Secara keseluruhan- Khidmatan Awam (JPA) bagi memastikan setiap penambahbaikan dan insentif ini dinikmati penjawat awam.

"Kita tidak akan lepas tangan dan dari semasa ke semasa akan melihat proses penambahbaikan ini kerana tidak mahu kakitangan awam tertanya-tanya.

"Kita tidak mahu berita ini sekadar melepaskan batuk di tangga, kita mahu kerajaan telus dalam melaksanakan apa yang dijanjikan," katanya.

Ah berkata, Bajet 2016 juga menetapkan pencen minimum sebanyak RM950 mulai 1 Julai 2016 kepada pesara yang berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun, sekali gus mencerminkan keprihatinan kerajaan kepada khidmat bakti pesara kerajaan.

Menurutnya, penghargaan turut dirakamkan kepada kerajaan di atas keputusan pemberian khas sebanyak RM500 bagi penjawat awam dan RM250 bagi pesara yang akan dibayar pada Januari 2016.

Selain itu, katanya, penyediaan rumah di bawah Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) sebanyak 100,000 unit menjelang 2018 adalah langkah positif dalam memenuhi keperluan penjawat awam untuk memiliki kediaman sendiri.

# Kenaikan gaji minimum pacu motivasi

**Kuala Lumpur:** Kenaikan gaji minimum yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2016 semalam, dilihat mampu merancakkan lagi ekonomi negara pada masa akan datang.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Malaysia (PIKAP) Datuk Raja Zulkepley Dahalan berkata, kesan daripada kenaikan gaji minimum itu sudah tentu akan memberikan motivasi kepada setiap pekerja di Malaysia supaya turut meningkatkan lagi produktiviti kerja masing-masing.

Beliau berkata, setiap pekerja perlu bertanggungjawab meningkatkan produktiviti kerja selaras kenaikan gaji minimum supaya dapat memberi pulangan lumayan kepada ekonomi negara.

"Kenaikan itu perlu seimbang dengan produktiviti. Jadi saya berharap peluang ini dimanfaatkan sebaiknya oleh setiap pekerja di Malaysia dengan meningkatkan juga produktiviti.

"Ini kerana ia juga akan memberi kesan kepada kerancakan ekonomi dan persediaan ke arah negara maju," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kenaikan itu sudah tentu tidak dapat menampung kos kenaikan harga barang dan keperluan lain pada masa ini.

"Setiap pekerja jangan terlalu leka dengan kenaikan ini kerana ia tidak mungkin dapat menangani kos sara hidup tinggi pada masa ini.

"Jadi, saya galakkan pekerja di negara ini mengambil inisiatif meniru negara maju seperti bercucuk tanam dan menternak di rumah bagi menjimatkan wang perbelanjaan dapur.

"Apa yang penting, perlu usaha keluar daripada belenggu peningkatan kos sara hidup tinggi dan jangan bersikap mengharap bantuan kerajaan semata-mata," katanya.

terkumpul sebanyak RM1,500 untuk ibu dan RM1,500 untuk bapa dengan syarat ibu bapa berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai pendapatan kurang RM2,000

RM8000

Had pelepasan cukai dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000 bagi setiap anak berusia 18 tahun ke atas yang sedang melanjutkan pelajaran

RM8000

Bagi ibu bapa kepada anak Orang Kurang Upaya (OKU) yang melanjutkan pelajaran, had pelepasan cukai dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000

RM6000

Had pelepasan cukai sedia ada bagi ibu bapa dengan anak OKU adalah RM6,000. Jika anak berkenaan melanjutkan pelajaran, jumlah boleh dituntut ialah sebanyak RM14,000